

Lelaki dipenjara setahun, denda RM3,000 kerana mencuri 4WD

KUCHING: Mahkamah Majistret semalam menjatuhkan hukuman penjara setahun dan denda RM3,000 terhadap seorang lelaki yang mengaku bersalah mencuri sebuah kenderaan pacuan empat roda, minggu lalu.

Majistret Nur Syaheeqa Nazwa Radzali memerintahkan Zulhaire Abdullah, 46, yang tidak diwakili peguam untuk dipenjara tiga bulan sekiranya gagal membayar denda.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa melakukan kesalahan terbabit sekitar jam 7.30 pagi pada 11 Mac 2026 di hadapan sebuah kedai dobi di Pusat Komersial Stutong di sini.

Pertuduhandibuatmengikut Seksyen 379A Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara minimum setahun dan maksimum tujuh tahun serta boleh didenda, jika sabit kesalahan.

Berdasarkan keterangan kes, pengadu lelaki berusia 50 tahun membuat laporan polis menyatakan kenderaan pacuan empat roda milik syarikat yang diletakkan di hadapan kedai dobi tersebut telah hilang dicuri.

Susulan itu berdasarkan siasatan, polis semasa Ops Lejang menahan tertuduh pada hari sama sekitar jam 3 petang dan turut merampas

beberapa barangan daripada tertuduh.

Siasatan lanjut mendapati terdapat rakaman kamera litar tertutup (CCTV) di hadapan kedai dobi yang menunjukkan perbuatan tertuduh mencuri kenderaan tersebut.

Selain itu, pakaian yang dirampas daripada tertuduh juga didapati sepadan dengan pakaian dalam rakaman CCTV.

Dalam prosiding berasingan, tertuduh mengaku tidak bersalah apabila didakwa di hadapan Majistret Ling Hui Chuan mengikut Seksyen 379A Kanun Keseksaan kerana mencuri sebuah kenderaan utiliti sukan (SUV) pada 5 Disember 2024, sekitar jam 9.40 pagi di belakang sebuah premis di Jalan Lapangan Terbang Baru Kuching.

Lingkemudiannyamenetapkan pengurusan kes pada 22 April 2026.

Difahamkan, tertuduh diktakan mempunyai beberapa rekod jenayah lampau, antara lainnya adalah di bawah Seksyen 12(2) dan 15(1) Akta Dadah Berbahaya 1952, Seksyen 379A Kanun Keseksaan serta Sekyen 411 Kanun Keseksaan.

Pendakwaan dikendalikan secara berasingan oleh Timbalan Pendakwa Raya Ruvinasini Pandian dan Pegawai Pendakwa Nur Shafiqha Nyaie Ilin.